



01 FEB, 2024

Penyeludup tidak sempat jual 13.3 tan ayam sejuk beku

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Penyeludup tidak sempat jual 13.3 tan ayam sejuk beku

KOTA BHARU – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan berjaya mematahkan cubaan untuk menjual sebanyak 13.3 tan ayam sejuk beku seludup bernilai RM99,679 termasuk cukai selepas menyerbu sebuah rumah di Kampung Tebu, Pondok Tunjong di sini, kelmarin.

Pengarah JKDM Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, dalam serbuan pukul 8 pagi itu, anggota JKDM turut merampas dua buah lori jenis Hino yang ditinggalkan di kawasan berkenaan.

“Pemeriksaan di dalam dua buah lori itu kemudiannya menjumpai sebanyak 13,350 kilogram ayam sejuk beku seludup yang dianggarkan bernilai lebih RM71,422 dengan

jumlah cukai RM28,256.

“Dua buah lori yang ditinggalkan di lokasi kejadian bernilai RM80,000. Siasatan lanjut sedang dijalankan untuk mengenal pasti pemilik lori dan ayam sejuk beku itu,” katanya pada sidang akhbar di Cawangan Penguatkuasaan JKDM Negeri Kelantan di sini semalam.

Wan Jamal Abdul Salam memberitahu, siasatan mendapati, kesemua ayam sejuk beku itu diseludup dari negara jiran melalui pengkalan haram menggunakan bot atau sampan.

Katanya, barangan itu kemudiannya dibawa menggunakan kenderaan penumpang, lori atau van untuk disimpan sebelum diedarkan ke pasaran tempatan.



WAN JAMAL (kanan) menunjukkan ayam sejuk beku yang dirampas pada sidang akhbar di Kota Bharu semalam.



01 FEB, 2024

Penyeludup tidak sempat jual 13.3 tan ayam sejuk beku

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA BHARU - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan berjaya mematahkan cubaan untuk menjual sebanyak 13.3 tan ayam sejuk beku seludup bernilai RM99,679 termasuk cukai selepas menyerbu sebuah rumah di Kampung Tebu, Pondok Tunjong di sini, kelmarin. Pengarah JKDM Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, dalam serbuan pukul 8 pagi itu, anggota JKDM turut merampas dua buah lori jenis Hino yang ditinggalkan di kawasan berkenaan.